

# CIRI NEGARA BERDAULAT

Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.

## Mempunyai Pemerintahan

- Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi.
- Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong.
- Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri.



## Mempunyai Sempadan

- Merupakan garis pemisah antara negeri atau negara.
- Malaysia berkongsi sempadan dengan negara jiran seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei.
- Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khasnya PBB.
- Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi.



## Mempunyai Perundangan

- Menjadi asas kepada peraturan negara untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.
- Berpandukan Perlembagaan Persekutuan.
- Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita.



## Mempunyai Rakyat

- Merupakan penduduk di sesebuah negara.
- Rakyat terikat dengan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.
- Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.
- Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.

